

Perubahan memenuhi tuntutan semasa

PM yakin Kabinet kekal hingga PRU jika pamer prestasi terbaik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan rombakan Kabinetnya dengan melantik beberapa muka lama berpengalaman sebagai menteri, membawa masuk teknokrat sebagai Menteri Kewangan Kedua, menggugurkan seorang menteri, dua timbalan menteri selain menukar portfolio beberapa yang lain.

Perdana Menteri juga mengumumkan penyusunan semula dua kementerian, iaitu Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang kini dipecahkan kepada Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Kementerian Komunikasi dan Digital pula dipecahkan kepada masing-masing Kementerian Digital serta Kementerian Komunikasi.

Rombakan itu menyaksikan jumlah anggota Jemaah Menteri meningkat daripada 28 kepada 31, manakala timbalan menteri meningkat daripada 27 kepada 29, menjadikan jumlah keseluruhan anggota pentadbiran Kerajaan Perpaduan kini 60 orang.

Semua lima menteri dan lima timbalan menteri baharu mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara, petang semalam.

Turut berangkat pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia itu ialah Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Mereka melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia, sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan dengan disaksikan Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Bercakap pada sidang media mengumumkan Kabinetnya di sini, Anwar berkata rombakan yang dilaksanakan bertujuan untuk menyesuaikan dengan tuntutan dan perubahan semasa negara.



Anwar ketika sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Katanya, keadaan kini sudah berubah dan memerlukan ia ditangani dengan lebih baik, termasuk dalam isu ekonomi, kos sara hidup, pendidikan dan hubungan antarabangsa.

"Saudara, setelah kita menyempurnakan tugas sebaik mungkin selepas setahun, dan sekarang kita cuba membawa sedikit penyesuaian," katanya.

Sidang media itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Anwar berkata, keputusan mengenai rombakan itu dibuat selepas berbincang dengan ketua parti komponen utama dan senarai nama diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Beliau yakin barisan baharu Jemaah Menteri yang diumumkan akan kekal sehingga Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang jika mereka mempamerkan prestasi yang baik dan tidak berdepan sebarang tekanan atau permasalahan baharu.

Menteri baharu yang dilantik ialah Ahli Parlimen Titiwangsa dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Johari Abdul Ghani (Menteri Perladangan dan Komoditi); Ahli Parlimen Damansara dan Timbalan Pengerusi DAP, Gobind Singh Deo (Menteri Digital); Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (Menteri Kesihatan) dan Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (Menteri Kewangan II) yang dilantik sebagai Senator.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong yang sebelum ini Timbalan Menteri Kewangan di naik pangkat dan dilantik Menteri Sumber Manusia yang baharu.

Timbalan menteri baharu pula

ialah Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), M Kulasegaran (Jabatan Perdana Menteri - Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Ramanan Ramakrishnan (Pembangunan Usahawan dan Koperasi), Wong Kah Woh (Pendidikan) dan Dr Zulkifli Hasan (Jabatan Perdana Menteri - Hal Ehwal Agama) yang juga dilantik Senator.

Terdahulu, Amir Hamzah dan Zulkifli mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara.

Rombakan itu turut menyaksikan Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar dan dua timbalan menteri iaitu Ramkarpal Singh (Jabatan Perdana Menteri - Undang-undang dan Reformasi Institusi) dan Datuk Siti Aminah Aching (Perladangan dan Komoditi) digugurkan.

Beberapa menteri bertukar portfolio, termasuk Datuk Seri Mohamad Hasan yang sebelum ini Menteri Pertahanan, dilantik sebagai Menteri Luar, menggantikan Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir yang kini dilantik sebagai Menteri Pengajian Tinggi.

Beliau menggantikan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang dilantik menerajui Kementerian Pertahanan.

Datuk Armizan Mohd Ali, yang sebelum ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil yang juga Jurucakap Kerajaan Perpaduan pula kini dikhususkan sebagai Menteri Komunikasi, sementara Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa kini adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).